

05/10/2004

Baik buruk penubuhan semula ITM

By Mohd Feroz Abu Bakar

KEMENTERIAN Pengajian Tinggi tidak seharusnya menjadikan kampus cawangan Universiti Teknologi Mara (UiTM) sebagai kampus autonomi yang khusus untuk menjalankan program diploma atau sijil kerana langkah itu bermakna ia undur ke belakang. Ini kerana semua 14 kampus cawangan UiTM kini sudah melaksanakan beberapa program di peringkat ijazah sarjana muda.

Pensyarah universiti awam yang tidak mahu dikenali berkata, jika kementerian itu menjadikan kampus cawangan UiTM sebagai kampus Institut Teknologi Mara (ITM), ini bermakna kerajaan menurunkan semula taraf kampus cawangan yang berstatus universiti kepada institut.

Langkah itu bukan saja memalukan kerajaan, bahkan akan mendapat bantahan serta menimbulkan kemarahan orang Melayu di seluruh negara. Lagipun, kenaikan taraf ITM kepada UiTM diumumkan sendiri oleh Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada 1996.

Pensyarah itu yang mempunyai ijazah doktor falsafah (PhD) dalam dasar pembangunan berkata, Kementerian Pengajian Tinggi seharusnya menubuhkan entiti baru yang setara dengan status ITM sebelum dijadikan universiti bagi menambah kapasiti tempat latihan untuk pelajar Bumiputera yang sederhana dan lemah pencapaian akademiknya.

Beliau berkata, jika kerajaan belum mempunyai dana mencukupi sekarang, orang Melayu masih boleh bersabar menunggu peruntukan sewajarnya hinggalah ke akhir Rancangan Malaysia Kesembilan pada 2010.

Tetapi, katanya, Kementerian Pengajian Tinggi haruslah memberi iltizam bahawa kerajaan bersetuju secara prinsip untuk menambah tempat ke institusi pendidikan tinggi (IPT) untuk Bumiputera.

"Bukan Melayu mempunyai peluang yang besar untuk mendapat pendidikan tinggi bukan saja melalui Universiti Tunku Abdul Rahman dan Kolej Tunku Abdul Rahman, bahkan ada beratus-ratus universiti serta kolej swasta.

"Ibu bapa yang mampu pula menghantar anak mereka ke IPT luar negara dan mereka pulang sebagai profesional dalam bidang undang-undang, perakaunan, perubatan dan kejuruteraan.

"Tetapi pelajar Bumiputera hanya mempunyai universiti awam tetapi persaingan untuk mendapat tempat ini sangat sengit manakala UiTM yang dikhaskan untuk mereka mempunyai kapasiti yang terhad.

"Jadi, kerajaan mesti menubuhkan IPT baru seperti ITM khas untuk orang Melayu dan Bumiputera lain agar tugas mengeluarkan golongan profesional Melayu dapat terus ditingkatkan," katanya kepada Berita Harian.

Beliau berkata, jika Kementerian Pengajian Tinggi menubuhkan IPT khas yang mengeluarkan graduan separa profesional seperti ITM, IPT itu boleh berfungsi sebagai 'feeder' kepada semua universiti, bukannya UiTM saja.

Katanya, IPT seperti ITM itu akan mengeluarkan graduan diploma atau separa profesional dalam bidang seni bina, ukur bahan, perubatan, undang-undang, perakaunan dan mereka akhirnya boleh meneruskan pengajian di peringkat ijazah sarjana muda dalam serta luar negara.

Menurut beliau, kualiti program akademik ITM sebelum ini dan UiTM sekarang diiktiraf oleh badan profesional seperti Persatuan Akauntan Bertauliah United Kingdom (ACCA), Persatuan Arkitek Malaysia (Pam) dan Institusi Jurutera Malaysia (IEM).

ITM bermula pada November 1956 sebagai Dewan Latihan Rida dengan Pengetua pertamanya, Syed Alwi Syed Sheikh Alhadi. Dewan Latihan Rida dijadikan Maktab Mara pada 1965 sebelum dinaikkan taraf sebagai ITM pada Oktober 1967. Hingga kini, ITM dan UiTM sudah mengeluarkan hampir 200,000

graduan.

Perbincangan mengenai penubuhan semula ITM dicetuskan oleh Naib Canselor, UiTM, Prof Datuk Seri Dr Ibrahim Abu Shah bagi memberi peluang pendidikan kepada pelajar Melayu yang tidak dapat meneruskan pengajian ke IPT. Akhir Ogos lalu, Dr Ibrahim dilaporkan berkata, ITM yang 'hilang' selepas dinaikkan taraf sebagai UiTM pada 1999 akan diwujudkan semula.

ITM dan kemudian UiTM ditubuhkan khas untuk membantu Bumiputera menerusi akta khas, iaitu Akta UiTM 1976 (pindaan 2000). Institut itu tidak sama dengan universiti awam lain yang ditubuhkan menerusi Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dengan kemasukan pelajarannya terbuka kepada semua kaum.

Sementara itu, bekas Naib Canselor (Akademik), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Kamel Arifin Mohd Atan, berkata IPT khas untuk Bumiputera seperti ITM itu hendaklah mengadakan lebih banyak program persediaan untuk pelajar Bumiputera yang tidak mempunyai syarat yang cukup dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi memohon program diploma di IPT awam sama ada universiti atau politeknik dan institusi lain.

Beliau yang kini dilantik sebagai Pengarah, Institut Penyelidikan Matematik, UPM berkata sejumlah besar pelajar Melayu gagal dalam kertas Matematik, Bahasa Inggeris bahkan Bahasa Melayu sendiri pada peringkat SPM hingga menutup peluang mereka untuk memohon program diploma meskipun mereka mencatat keputusan cemerlang dalam subjek lain.

Kebanyakan pelajar Melayu yang masih tinggal di luar bandar atau pinggir bandar tidak mempunyai khidmat sokongan yang terbaik untuk membantu mereka mencapai kecemerlangan dalam akademik dan pembinaan sahsiah seperti pelajar bukan Melayu di bandar.

"Pelajar di bandar bukan saja mempunyai guru tuisyen yang bagus tetapi mereka juga mempunyai peluang untuk menggunakan bahasa Inggeris kerana suasana bandar yang pelbagai kaum dan kefasihan dalam bahasa antarabangsa ini memberi kelebihan kepada pelajar bandar.

"Pelajar bukan Bumiputera di bandar untuk mengikuti kelas muzik, renang, memanah dan sebagainya untuk membina keperibadian yang seimbang dan akhirnya, mereka muncul sebagai graduan yang all-rounder.

"Pelajar bukan Melayu yang tinggal di luar bandar dalam keadaan serba kekurangan dan mereka hanya mencapai keputusan sederhana atau lemah dalam SPM.

"Tetapi, jika pelajar ini dibantu menerusi IPT khas seperti ITM dengan pelbagai kemudahan moden dan pensyarah yang baik, mereka juga boleh muncul sebagai insan serba-boleh," katanya.

Dr Kamel Arifin yang juga bekas pelajar Maktab Melayu Kuala Kangsar mencadangkan satu persidangan atau kongres khas untuk membincangkan baik buruk penubuhan semula ITM. Katanya, kerajaan perlu terus menambah golongan separa profesional Melayu kerana kaum lain di negara ini sentiasa maju dalam pelbagai bidang profesional atau separa profesional.

Beliau berkata, sasaran kerajaan untuk mencapai sekian banyak jumlah profesional Melayu sebenarnya bersifat moving target kerana kaum lain tidak pernah diam tetapi mereka terus berusaha untuk bergerak ke depan.

Dekan Pusat Pengajian Siswazah, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO), Prof Dr Ahmad Faizal Mohd Zain pula berkata, cadangan penubuhan semula ITM perlu dipertimbangkan dengan sewajarnya kerana ITM sebelum ini berjaya memainkan peranannya dengan baik.

Beliau yang memiliki ijazah doktor falsafah dari Pennsylvania State University dalam bidang kejuruteraan elektrik berkata, kerajaan boleh melantik ahli akademik untuk mengkaji perkembangan kerjaya graduan ITM sebelum ini dan pencapaian mereka sekarang.

Graduan ITM sebelum ini dan UiTM sekarang tidak mempunyai masalah mendapatkan pekerjaan dalam sektor swasta dan ini menggambarkan kualiti

kurikulum dan keberkesanan latihan yang disediakan untuk pelajar peringkat sijil dan diploma.

"IPT seperti ITM yang dikhasakan untuk Bumiputera bukanlah satu isu penting kerana yang lebih utama ialah graduannya mampu melakukan tugas masing-masing dengan baik ketika mereka bekerja dalam mana-mana organisasi.

"Jika diperhatikan pendidikan di negara seperti Perancis, China dan India institusinya juga khusus untuk satu bangsa dan pendidikan dalam bahasa kebangsaan mereka sendiri tetapi graduan negara itu mempunyai kepakaran yang setanding dengan negara lain," katanya.

(END)